

1 MAR 1996

ASEM-menteri

ASIA, EROPAH BERSETUJU BEKERJASAMA UNTUK BINA SEMULA BOSNIA

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

BANGKOK, 1 Mac (Bernama) -- Menteri-menteri Asia dan Eropah, yang bermesyuarat di sini hari ini sempena sidang kemuncak antara kedua-dua rantau, membincangkan pelbagai topik mengenai cara untuk bekerjasama, termasuk membina semula Bosnia-Herzegovina yang musnah akibat peperangan.

Ketua Setiausaha Kementerian Luar Tan Sri Ahmad Kamil Jaafar berkata negara-negara Asia sangat berminat menyertai negara-negara Eropah ke arah membantu Bosnia membina semula dan memulihkan negara itu.

Negara-negara Eropah boleh memainkan peranan berhubung Pertubuhan Pembangunan Tenaga Korea (KEDO), katanya ketika memberi taklimat kepada wartawan Malaysia mengenai rundingan oleh menteri-menteri yang disambung pagi esok.

Menteri-menteri itu berada di sini untuk pertemuan bersejarah pemimpin-pemimpin mereka -- Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) -- yang bermula hari ini bertujuan menjalin hubungan erat antara kedua-dua rantau.

Mesyuarat dua hari itu dihadiri pemimpin 10 negara Asia terdiri daripada kesemua tujuh anggota Asean, China, Jepun dan Korea Selatan dan 15 anggota Kesatuan Eropah (EU).

Antara perkara yang dibincangkan ialah peranan Asia dalam politik dunia, dengan mengambil kira penyertaan aktifnya dalam hal ehwal antarabangsa, mengenai reformasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, tanggungjawab sosial dan sekatan senjata nuklear.

Mengenai isu-isu keselamatan, rujukan dibuat kepada Forum Serantau Asean (ARF) dan negara-negara Eropah berkata mereka mahu memainkan peranan yang lebih aktif dalam isu-isu keselamatan di rantau ini. EU kini sebahagian daripada ARF.

Satu lagi topik yang dibangkitkan dalam rundingan itu ialah mengenai isu periuk api, satu perkara kritikal yang dibincangkan "jika tidak di sini di Asia, sekurang-kurangnya di Eropah" berikutan kemusnahan di Bosnia, kata Ahmad Kamil.

Walaupun terdapat "beribu-ribu" periuk api di Bosnia pada masa ini dan di Kemboja, di Malaysia juga terdapat periuk api yang ditanam semasa Darurat, katanya.

"Saya berpendapat orang ramai kini semakin sedar bahawa perhatian perlu diberikan kepada perkara itu," katanya.

Memandangkan ia satu isu yang serius, beliau berkata mungkin ada orang akan mengemukakan perkara itu kepada Bangsa-bangsa Bersatu sehingga membolehkan pengeluaran dan penjualan periuk api dihalang.

Ketika ditanya mengenai sidang kemuncak itu, Ahmad Kamil berkata beliau dimaklumkan bahawa persidangan itu berjalan lancar dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad gembira dengan mesyuarat itu.

Dr Mahathir dijadual mengadakan persidangan berita esok.

Sementara itu, Asia menyokong penuh usaha Malaysia bagi Wakil Tetap Malaysia di Bangsa-bangsa Bersatu Tan Sri Razali Ismail dipilih sebagai presiden Perhimpunan Agung PBB.

Ahmad Kamil berkata pencalonan Razali dipersetujui sebulat suara oleh kumpulan Asia yang terdiri daripada lebih 50 negara dalam PBB.

Beliau juga berkata Portugal dan Luxembourg berminat untuk mewujudkan pejabat perwakilan di Kuala Lumpur secepat mungkin.

Beliau berkata Malaysia juga akan membuka pejabat perwakilan di Sarajevo tidak lama lagi untuk memudahkan lagi usaha membina semula Bosnia Herzegovina.

-- BERNAMA
AZZ AKD